

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 8.6.2015

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap pencapaian IT, Internet dan jalur lebar di sekolah rendah, menengah dan universiti berbanding dengan negara yang maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha memastikan semua sekolah dirangkaikan dengan capaian internet 1BestariNet. Sehingga 7 Mei 2015, sebanyak 8,929 buah sekolah telah dirangkaikan dengan 1BestariNet. Manakala, baki 960 daripada 9,889 buah sekolah masih belum dirangkaikan 1BestariNet tetapi dibenarkan meneruskan perkhidmatan melalui penyedia perkhidmatan internet lain di bawah peruntukan interim internet KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah meningkatkan jalur lebar internet sebanyak 1Gbps kepada empat (4) buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 2013, iaitu Universiti Teknikal Melaka, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Manakala 16 buah

IPTA lagi akan dipertingkatkan jalur lebar internet sebanyak 1Gbps secara berperingkat pada tahun 2015 hingga 2016.

RJM62